



**SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI LAPORAN MAKLUMAT YANG KENA BERI (MYKB)**

1. Apakah maksud Maklumat Yang Kena Beri (MYKB)?

MYKB bermaksud suatu laporan atau set dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat berkaitan suatu badan sukan.

2. Berapakah tempoh untuk mengemukakan laporan MYKB oleh badan sukan?

Laporan MYKB perlu dikemukakan oleh badan sukan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan dalam tempoh **30 hari** setelah selesai melaksanakan –

- i. Mesyuarat Agung Pertama Penubuhan;
- ii. Mesyuarat Agung Tahunan; atau
- iii. Mesyuarat Agung Luar Biasa.

3. Apakah maksud Mesyuarat Agung Pertama Penubuhan?

Mesyuarat Agung Pertama Penubuhan bermaksud mesyuarat agung kali pertama badan sukan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penaja selepas mendapat kelulusan pendaftaran oleh Pesuruhjaya.

4. **Apakah maksud Mesyuarat Agung Tahunan?**

Mesyuarat Agung Tahunan ertinya suatu mesyuarat atau perhimpunan yang dilaksanakan secara tahunan atau dwitahunan (**tertakluk kepada perlembagaan badan sukan**) dan dihadiri oleh ahli-ahli sesuatu badan sukan bagi membincangkan isu dan perkara berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran serta merupakan kuasa perundangan tertinggi bagi membuat sesuatu keputusan.

5. **Apakah dokumen laporan MYKB bagi Mesyuarat Agung Tahunan yang perlu dikemukakan oleh badan sukan?**

Laporan MYKB yang perlu dikemukakan oleh badan sukan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan setelah selesai melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah meliputi lapan (8) dokumen berikut –

- i. Borang MYKB 1;
- ii. Minit Mesyuarat Jawatankuasa (penetapan tarikh mesyuarat agung);
- iii. Notis Mesyuarat Agung;
- iv. Minit Mesyuarat Agung;
- v. Laporan Aktiviti;
- vi. Laporan Penyata Kewangan;
- vii. Senarai Ahli Jawatankuasa; dan
- viii. Senarai Ahli Gabungan/ Keahlian.

Badan sukan boleh mendapatkan contoh dokumen tersebut menerusi laman sesawang <https://www.pps.kbs.gov.my>.

6. **Apakah maksud Borang MYKB 1?**

Borang MYKB 1 merupakan perakuan dan pengesahan butiran terkini badan sukan, senarai dokumen yang disertakan, senarai harta tak alih (jika ada), nama akaun bank dan nama badan induk di mana badan sukan menjadi ahli gabungan. Borang perlu ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama.

7. Apakah yang terkandung di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa?

Minit Mesyuarat Jawatankuasa mengandungi penetapan tarikh, masa, tempat, agenda dan lain-lain ketetapan berhubung mesyuarat agung badan sukan serta perlu ditandatangani oleh Pencatat Minit dan Pengerusi mesyuarat.

8. Apakah yang dimaksudkan dengan Notis Mesyuarat Agung?

Notis Mesyuarat Agung bermaksud edaran pemakluman kepada ahli-ahli badan sukan tentang ketetapan mesyuarat agung yang bakal diadakan iaitu tarikh, masa, lokasi dan agenda mesyuarat. Bilangan serta tempoh notis yang dikeluarkan perlu mengikut seperti mana yang ditetapkan dalam perlembagaan badan sukan. Notis perlu ditandatangani oleh seorang pemegang jawatan utama.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan Minit Mesyuarat Agung?

Minit Mesyuarat Agung bermaksud catatan yang mengandungi butiran tarikh, masa, tempat, senarai kehadiran, jumlah kuorum, pengesahan laporan aktiviti, pengesahan laporan kewangan, perbincangan, usul (jika ada), keputusan pemilihan jawatankuasa induk yang baru (jika berkenaan) dan apa-apa perkara lain yang diputuskan berdasarkan kepada agenda yang telah ditetapkan. Minit perlu ditandatangani oleh Pencatat Minit dan Pengerusi mesyuarat.

10. Apakah yang dimaksudkan dengan Laporan Aktiviti?

Laporan Aktiviti merupakan butiran aktiviti atau program yang telah dilaksanakan dan disertai pada tahun sebelumnya dan disahkan dalam mesyuarat agung.

11. Apakah yang dimaksudkan dengan Laporan Penyata Kewangan?

Laporan Penyata Kewangan bermaksud Penyata Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan serta penyata Kunci Kira-kira badan sukan bagi tahun sebelumnya yang telah diaudit dan disahkan dalam mesyuarat agung. Laporan perlu ditandatangani oleh Bendahari, Presiden dan dua (2) orang Juruaudit dalam atau Juruaudit luar.

12. Apakah yang dimaksudkan dengan Senarai Ahli Jawatankuasa?

Senarai Ahli Jawatankuasa merupakan senarai terkini ahli jawatankuasa (pemegang jawatan utama dan ahli jawatankuasa) yang sah dipilih atau dilantik seperti yang ditetapkan dalam perlembagaan badan sukan. Senarai hendaklah mengandungi butiran nama, jawatan disandang, nombor kad pengenalan atau nombor passport (bagi bukan warga negara), pekerjaan, tempat lahir, alamat kediaman, alamat pekerjaan, nombor telefon dan e-mel. Senarai perlu ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama badan sukan.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan Senarai Ahli Gabungan/ Keahlian?

Senarai Ahli Gabungan/ Keahlian bermaksud senarai terkini ahli yang mengandungi butiran nama, nombor kad pengenalan (bagi keahlian individu), alamat, nombor telefon dan e-mel. Senarai perlu ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama badan sukan.

14. Apakah yang perlu dilakukan oleh badan sukan sekiranya ingin menangguhkan tarikh mesyuarat agung?

Badan sukan hendaklah memaklumkan penangguhan mesyuarat kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan dengan mengemukakan surat rasmi melalui e-mel di pps@kbs.gov.my. Pemakluman hendaklah disertai dengan salinan minit mesyuarat jawatankuasa tertinggi yang menyatakan persetujuan terhadap penangguhan, alasan penangguhan dan tarikh baharu mesyuarat agung tersebut.

15. Bolehkah badan sukan melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan secara dalam talian semasa pandemik Covid-19?

Badan sukan adalah **DIGALAKKAN** untuk mengadakan mesyuarat agung dan pemilihan ahli jawatankuasa secara dalam talian iaitu menerusi mana-mana *platform* sidang video selaras dengan norma baharu.

16. Adakah mesyuarat agung yang dilaksanakan secara dalam talian perlu dirakamkan?

Badan sukan **BOLEH** dan tiada larangan untuk merakam perjalanan mesyuarat agung yang dijalankan secara dalam talian.

17. Apakah maksud Mesyuarat Agung Luar Biasa?

Mesyuarat Agung Luar Biasa bermaksud keperluan mesyuarat yang ditentukan oleh jawatankuasa tertinggi suatu badan sukan (**tertakluk kepada perlembagaan masing-masing**) bagi membincangkan hal-hal yang memerlukan perhatian serta keputusan segera.

18. Apakah dokumen laporan MYKB bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa yang perlu dikemukakan oleh badan sukan?

Dokumen yang perlu dikemukakan oleh badan sukan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan setelah selesai melaksanakan Mesyuarat Agung Luar Biasa hendaklah meliputi lapan (4) dokumen berikut –

- i. Borang MYKB 2;
- ii. Minit Mesyuarat Jawatankuasa (penetapan tarikh mesyuarat agung);
- iii. Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa; dan
- iv. Minit Mesyuarat Agung Luar Biasa.

19. Apakah maksud Borang MYKB 2?

Borang MYKB 2 merupakan perakuan dan pengesahan butiran terkini badan sukan dan senarai dokumen yang disertakan. Borang perlu ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan utama.

20. Apakah yang terkandung di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa?

Minit Mesyuarat Jawatankuasa mengandungi penetapan menetapkan tarikh, masa, tempat dan agenda Mesyuarat Agung Luar Biasa. Minit perlu ditandatangani oleh Pencatat Minit dan Pengerusi Mesyuarat.

21. Apakah yang dimaksudkan dengan Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa?

Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa merupakan pemakluman kepada ahli-ahli badan sukan tentang ketetapan mesyuarat yang bakal diadakan iaitu tarikh, masa, lokasi dan agenda mesyuarat. Tempoh notis dikeluarkan perlu mengikut seperti mana yang ditetapkan dalam perlembagaan. Notis perlu ditandatangani oleh seorang pemegang jawatan utama.

22. Apakah yang dimaksudkan dengan Minit Mesyuarat Agung Luar Biasa?

Minit Mesyuarat Agung Luar Biasa bermaksud catatan yang mengandungi tarikh, masa, tempat, senarai kehadiran, jumlah kuorum, perbincangan dan keputusan mesyuarat berdasarkan kepada agenda yang telah ditetapkan. Minit perlu ditandatangani oleh Pencatat Minit dan Pengerusi mesyuarat.

23. Siapakah yang perlu menghantar laporan MYKB?

Setiausaha badan sukan hendaklah menghantar laporan MYKB dengan memuatnaik secara dalam talian melalui sistem eROSA di <https://erosa.kbs.gov.my> dan satu salinan dokumen bercetak dihantar secara pos atau serahan tangan.

24. Bagaimanakah cara untuk menghantar dokumen laporan MYKB?

Laporan MYKB yang lengkap hendaklah dimuat naik melalui sistem e-ROSA iaitu <https://erosa.kbs.gov.my>. Satu salinan dokumen bercetak perlu dihantar kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan secara pos, serahan tangan atau apa-apa kaedah lain yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya.

25. Sekiranya laporan MYKB telah dimuatnaik di dalam e-ROSA, adakah badan sukan perlu menghantar salinan melalui pos?

PERLU. Badan sukan yang telah memuat naik laporan MYKB melalui sistem eROSA hendaklah menghantar satu salinan bercetak untuk difailkan.

26. Apakah kesan kepada badan sukan sekiranya gagal menghantar MYKB?

Kegagalan mengemukakan laporan MYKB sehingga tiga (3) tahun berturut-turut bermakna badan sukan gagal mematuhi salah satu syarat perakuan pendaftaran yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya di bawah seksyen 18 Akta 576 dan boleh dikenakan tindakan penggantungan pendaftaran di bawah seksyen 20(1A) Akta 576.

27. Kenapakah penghantaran laporan MYKB adalah penting?

Penghantaran laporan MYKB adalah penting sebagai pengesahan bahawa badan sukan adalah aktif dan diurus tadbir oleh pemegang jawatan yang terkini dan sah dipilih atau dilantik seperti yang termaktub di dalam perlembagaan.

28. Apakah yang dimaksudkan dengan badan sukan yang TIDAK AKTIF?

TIDAK AKTIF ertinya badan sukan yang tidak melaksana atau menjalankan aktiviti/ fungsi/ peranan bagi mencapai objektif penubuhan sebagaimana yang ditetapkan dalam perlembagaan suatu badan sukan.

29. Jika terdapat pertukaran Setiausaha yang berurusan dengan e-ROSA, bagaimana proses pertukaran jawatan tersebut dapat dilakukan?

Jika ada pertukaran jawatan Setiausaha yang baru, Presiden perlu membuat pengesahan secara rasmi melalui surat / e-mel kepada *admin* Pejabat Pesuruhjaya Sukan di pps@kbs.gov.my bagi tujuan *mapping* dengan menyertakan maklumat Setiausaha yang baru seperti berikut:

- i. Nama Setiausaha;
- ii. Kad Pengenalan Setiausaha;
- iii. Alamat E-mel; dan
- iv. Nombor Telefon Bimbit Setiausaha.

Jika Setiausaha belum berdaftar sebagai pengguna persatuan dalam sistem eROSA, perlulah mendaftar sebagai pengguna dan e-mel di pps@kbs.gov.my bagi tujuan *mapping*. Seterusnya, mohon untuk daftar masuk sistem eROSA untuk tujuan penghantaran MYKB.

30. Bagaimanakah cara badan sukan memaklumkan pemilihan jawatankuasa yang baru kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan?

Sebarang pemilihan jawatankuasa tertinggi badan sukan yang berlaku selain sewaktu mesyuarat agung atau jika berlaku sebarang pelantikan baru ahli jawatankuasa atau pemegang jawatan utama, badan sukan hendaklah memaklumkan kepada Pesuruhjaya melalui surat rasmi bersama dengan Minit Mesyuarat yang menjelaskan keputusan pemilihan atau pelantikan tersebut.

31. Adakah menjadi satu keperluan bagi badan sukan yang berdaftar mempunyai akaun kelab walaupun ianya hanya melibatkan yuran yang kecil dan sedikit?

PERLU. Setiap badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*] hendaklah mempunyai akaun bank atas nama persatuan.

32. Jika badan sukan mempunyai aset yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan, adakah aset tersebut perlu direkodkan dalam senarai aset persatuan?

Setiap aset yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan kepada badan sukan perlu direkodkan dalam senarai aset persatuan dan dibentangkan semasa mesyuarat agung.

33. Apakah Akta yang berkaitan dengan badan sukan dan peranannya?

Akta yang berkaitan adalah Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*] yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia. Tadbir urus dan pelaksanaan Akta 576 dipertanggungjawabkan kepada Pesuruhjaya Sukan selaras dengan peruntukan seksyen 10 Akta 576.

34. Apakah pekeliling yang berkaitan dengan MYKB?

Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 2 Tahun 2021 Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) dan mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2021.

35. Apakah tujuan pekeliling ini dikeluarkan?

Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada semua badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan [*Akta 576*] berkaitan laporan MYKB.

DIKELUARKAN OLEH:

**PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
1 SEPTEMBER 2021**